

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PRESIDEN UMNO MALAYSIA DI PERHIMPUNAN
KHAS PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DI
DEWAN SEMINAR, DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 6HB
DISEMBER, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Para Perwakilan, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih atas kehadiran saudara-saudara semua di majlis yang penting ini, terutama sekali mereka-mereka yang datang dari jauh.

Inilah pertama kali kita mengadakan perjumpaan seperti ini semenjak kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu. Sukalah saya mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara yang telah dipilih sebagai wakil rakyat, samada untuk Parlimen ataupun Dewan Negeri. Begitu juga saya suka mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada Ketua-ketua Bahagian dan ketua-ketua serta pegawai-pegawai Parti yang telah memainkan peranan penting dan bertungkus lumus semasa pilihanraya yang lalu.

Saudara-saudara sekalian.

Saya meminta diadakan perjumpaan yang penting hari ini ialah dengan tujuan untuk memberi peluang kepada pucuk pimpinan Parti untuk menerangkan tentang kedudukan negara kita pada masa ini dan tugas serta tanggungjawab pemimpin-pemimpin Parti dan wakil-wakil rakyat berhubung dengan keadaan itu. Saudara-saudara sekalian maklum, kita sedang menghadapi keadaan yang agak genting disebabkan oleh inflasi dan kemerosotan ekonomi dunia.

Kita semua bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana Parti Barisan Nasional telah mendapat kemenangan yang begitu besar dan UMNO sendiri mendapat kejayaan yang amat gemilang. Kita telah memenangi semua sekali kerusi bagi Dewan Rakyat dan hanya mengalami kerugian dua kerusi bagi Dewan Undangan

Negeri iaitu satu di Kedah dan satu lagi di Selangor. Dengan kemenangan ini nyatalah sebahagian besar daripada rakyat negara ini berdiri dengan teguhnya di belakang Kerajaan Barisan Nasional dan meletakkan kepercayaan dan harapan masa depan mereka di tangan kita.

Sebagai pemimpin-pemimpin Parti di peringkat bawahan atau grassroot, saya ingin saudara-saudara sekalian memahami betul-betul hakikat ini. Oleh kerana negara kita berpegang pada konsep demokrasi berparlimen—Parliamentary democracy—ini bermakna bahawa majority rakyat memberikan kepada kita kuasa untuk mentadbirkan negara serta membimbing rakyat ke arah matalamat kemakmuran dan kebahagiaan yang dicita-cita itu. Mandat atau kuasa yang diberikan oleh rakyat itu berlaku untuk tempoh lima tahun sehingga pilihanraya akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan dulu, harapan saya selepas pilihanraya ini dan dengan kemenangan besar yang kita dapati itu, bolehlah kita menumpukan seluruh tenaga terhadap pembangunan. Kita sedia maklum masalah inflasi sudahpun mula melanda kita sebelum pilihanraya lagi dan dalam hal ini Kerajaan sentiasa mengambil langkah tertentu dengan tujuan hendak meringankan kesusahan dan penderitaan rakyat disebabkan oleh inflasi itu.

Hari ini masalah inflasi itu masih belum reda, bahkan keadaan adalah bertambah buruk lagi disebabkan oleh kemerosotan ekonomi negara-negara yang maju akibat kenaikan harga minyak dan kurang kesetabilan matawang dunia. Keadaan ini mengakibatkan harga barang-barang pengeluaran utama kita seperti getah, bijih dan kayu balak—termasuk bahan-bahan daripada kayu—jatuh dan keadaan ini digelar sebagai stagflasi oleh pakar-pakar ekonomi.

Apa yang amat mendukacitakan ialah semasa kita hendak meneruskan usaha-usaha pembangunan, dan ditambah pula dengan keadaan stagflasi ini, ada pula anasir-anasir yang hendak menghalang Kerajaan serta menjalankan tipu helah mereka supaya rakyat hilang kepercayaan terhadap Kerajaan dan seterusnya benci kepada Kerajaan.

Selama ini kita tahu hanya anasir-anasir komunis dan anti-nasional sahaja yang berbuat demikian, tetapi sekarang ini

kumpulan-kumpulan lain iaitu parti-parti pembangkang yang telah menderita kekalahan dalam pilihanraya menjalankan tindak tanduk yang sama dan melakukan segala helah dan cara dengan tujuan mencapai cita-cita politik mereka yang gagal semasa pilihanraya dulu.

Kita tahu juga adanya golongan pelajar-pelajar kita yang pada masa akhir-akhir ini nampaknya mudah sekali terpengaruh ataupun membenarkan diri mereka diperalatkan oleh anasir-anasir anti-nasional dan "discredited politicians" yang saya katakan tadi. Yang lebih menyedihkan lagi ialah golongan pelajar-pelajar yang terlibat ini kebanyakannya datang dari kampung-kampung dan hanya boleh menikmati kemudahan pelajaran lanjutan atau pengajian tinggi di Institusi-institusi dan Universiti-universiti dengan bantuan Kerajaan. Bahkan ada juga pelajar-pelajar kita di seberang laut yang terlibat sama dalam kegiatan anti-Kerajaan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Saya ingin sekali lagi mengingatkan mereka itu bahawa kita mengamalkan demokrasi berparlimen yang memberi kita kebebasan-kebebasan. Tetapi Demokrasi ada mempunyai aturan dan peraturan atau rules of the games. Dalam demokrasi berparlimen, kita mengadakan pilihanraya dari semasa ke semasa dan terpulanglah kepada rakyat bagi memberikan mandat mereka kepada sesuatu Parti yang mereka itu percayai. Selepas rakyat telah memberi keputusan dalam Pilihanraya, semua pihak mesti patuh kepada keputusan itu dan memberi kerjasama kepada Parti yang telah mendapat mandat untuk menjalankan pentadbiran sehingga Pilihanraya sekali lagi.

Sebaliknya, apa yang kita lihat hari ini—selain dari anasir-anasir dan kuncu-kuncu mereka—golongan politik yang tidak diterima rakyat dan yang mendapat kekalahan teruk dalam pilihanraya yang lalu—mereka inilah yang menggunakan sebahagian pelajar-pelajar untuk menghasut penduduk-penduduk di kampung-kampung menentang Kerajaan dan menghasut pelajar-pelajar supaya berdemonstrasi dan mengambil tindakan di luar undang-undang terhadap Kerajaan. Kita dukacita sebahagian daripada pelajar-pelajar ini membenarkan diri mereka diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Mereka melaungkan berkehendak dan menyokong Demokrasi akan tetapi sebaliknya mereka hanyalah hendak menggunakan Demokrasi bagi

menghancurkan Demokrasi. Oleh itu apabila mereka gagal di gelanggang pilihanraya, mereka meneruskan perjuangan dengan cara lain, bukan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tetapi di jalanraya dan street-corners. Malangnya mereka sendiri tidak berani ke depan bahkan menggunakan pula orang-orang lain untuk menjalankan cita-cita dan hasrat jahat mereka itu. Kerajaan tidak akan berdiam diri dalam hal ini dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sesiapa jua yang hendak menggunakan Demokrasi untuk menghancurkan Demokrasi, dan yang menjalankan tindakan di luar garis undang-undang negara.

Saudara-saudara sekalian.

Kita merasa amat dukacita baru-baru ini didapati ada pelajar-pelajar yang pergi ke kampung-kampung menghasut rakyat untuk bertindak dan berdemonstrasi terhadap Kerajaan kononnya mereka berkata rakyat sedang menderita dan lapar tidak mendapat makanan. Pelajar-pelajar ini adalah satu golongan kecil iaitu daripada mereka yang telah gagal dalam pelajarannya dan yang tahu iaitu masa depan mereka tidak mempunyai harapan yang baik. Jadi mereka membuang masa untuk menghasut rakyat dan juga menghasut pelajar-pelajar yang lain supaya menentang Kerajaan. Saya amat dukacita dan kesal dengan perbuatan mereka itu khasnya demonstrasi yang berlaku dua tiga hari yang lalu di mana mereka bukan saja menjalankan kekerasan terhadap pihak Polis tetapi juga menggunakan Masjid tempat beribadat sebagai tempat berlindung dan turut merosakkan rumah ibadat yang mulia itu. Perbuatan seperti ini haruslah dikutuk sekeras-kerasnya terutama bila dilakukan oleh golongan pelajar yang melaung-laungkan bahawa mereka memperjuangkan cita-cita Islam yang maha suci.

Pada masa yang lalu, kita cuba bersikap lembut kepada pelajar-pelajar kita dengan harapan mereka akan sedar dan insaf akan kewajipan mereka iaitu menggunakan sepenuh peluang untuk mendapat pengetahuan dan pelajaran supaya mereka akan menjadi warganegara yang berguna dan dapat berkhidmat kepada kaum keluarga mereka, bangsa dan negara, dan kepada diri mereka sendiri. Tetapi ada sebahagian yang kecil yang terus berdegil dengan sebab-sebab tertentu seperti yang saya sebutkan tadi. Mereka mempunyai perhitungan sendiri dan oleh itu mereka kenalah menerima akibat salah perhitungan mereka itu. Kerajaan telah

bertindak keras terhadap mereka yang melakukan perbuatan sewenang-wenang di luar batas undang-undang dan akan terus bertindak keras pada masa akan datang.

Seperti yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran¹ dalam Dewan Rakyat dua hari yang lalu, Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan begitu banyak untuk membiayai Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara kita dan pukol rata perbelanjaan bagi seorang mahasiswa tidak kurang dari \$3,000 membawa kepada \$9,000 setiap tahun. Ini adalah perbelanjaan yang besar kalau dibandingkan dengan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk pembangunan di kawasan luar bandar dan saya percaya saudara-saudara sekalian tentulah tidak ingin melihat pelajar-pelajar kita membazir wang yang sebegitu banyak. Saya suka juga mengulangi apa yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran iaitu jika pelajar-pelajar tidak sanggup belajar dan menggunakan peluang yang diberikan kepada mereka maka Kerajaan harus terpaksa mengurangkan perbelanjaan yang dikeluarkan setiap tahun bagi membiayai perbelanjaan Pusat-pusat Pengajian Tinggi. Begitu juga pihak-pihak berkuasa Pusat-pusat Pengajian Tinggi mestilah berusaha mengawal dan mengawasi pelajar-pelajar yang di bawah jagaan mereka dan janganlah terlalu bersikap liberal. Tatatertib serta akhlak mestilah diawasi kerana perkara-perkara ini adalah kewajipan dan tanggungjawab mereka. Saya dapati ada beberapa orang pensyarah dan academic staff yang sama-sama menghasut pelajar-pelajar mengadakan demonstrasi dan mengambil tindakan di luar garis undang-undang. Tindakan tegas terpaksa diambil terhadap mereka ini.

Saudara-saudara sekalian.

Rakyat di negara kita daripada berbagai lapisan ada mempunyai tanggungjawab masing-masing. Menteri-menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan bertanggungjawab menjalankan pentadbiran Kerajaan. Pelajar-pelajar bertanggungjawab belajar dan mengisi ilmu di dada supaya mereka boleh mengambil tempat ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang untuk mengawal dan menadbirkan negara kita yang dikasihi. Oleh itu mustahaklah tiap-tiap pihak menjalankan tugas masing-masing dengan tidak campur tangan dan cuba mengambilalih tugas pihak-pihak yang lain.

¹ Y.B. Dr Mahathir Mohammad.

Saudara-saudara sekalian.

Saudara-saudara sebagai pemimpin-pemimpin Parti dan Wakil-wakil Rakyat adalah mempunyai tanggungjawab bagi mewakili rakyat dan menjaga kepentingan rakyat. Oleh itu, kita mesti memegang dan menjalankan tugas ini dan kita tidak boleh menyerahkannya kepada sesiapa. Saya tahu dan saya nampak pihak pelajar-pelajar yang disebutkan tadi cuba hendak mengambilalih tugas-tugas ini dan cuba hendak mewakili rakyat kononnya hendak membela nasib mereka yang dikatakan menderita itu. Pelajar-pelajar ini tidak boleh berbuat apa-apa, tidak boleh menolong rakyat walau bagaimanapun mereka menderita. Yang boleh menolong rakyat ialah kita semua—Kerajaan yang didukung oleh Parti kita hari ini yang mendapat mandat yang besar daripada rakyat.

Oleh itu, mustahaklah saudara-saudara menerangkan kepada orang ramai terutama rakyat di kampung-kampung mengenai kedudukan yang sebenarnya. Semasa Pilihanraya dulu, kita berjanji akan berbuat apa juga yang boleh demi kepentingan rakyat dan kemajuan negara, dan janji suci itu tetap akan ditunaikan. Kita dukacita pada masa kita menghadapi keadaan ekonomi yang agak genting dan rakyat mengalami kesulitan. Akan tetapi Kerajaan tidak akan lari daripada tanggungjawabnya dan akan sentiasa menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk mengatasi masalah-masalah rakyat supaya bebanan ekonomi yang merosot ini dapat diringankan.

Kita semua maklum, baru-baru ini rakyat di beberapa tempat di Kedah dan di Perak dan juga di satu dua tempat yang lain, dengan hasutan daripada pihak-pihak yang tertentu, termasuk pelajar-pelajar, telah mengadakan demonstrasi dan menuntut tindakan daripada Kerajaan, berikutan dengan jatuhnya harga getah. Kerajaan sedia sedar hal ini dan Kerajaan bukanlah berdiam diri memandang saja akan penderitaan rakyat itu. Akan tetapi, hendaklah kita faham masalah pasaran getah ini bukanlah perkara yang mudah kerana ianya masih di luar kawalan kita. Bagaimanapun, baru-baru ini kita telah mengambil tindakan yang tegas untuk hendak menstabilkan pengeluaran getah dan kita sukacita dengan tindakan itu harga getah telah meningkat naik dan kita berharap akan kekal dengan keadaan seperti itu. Walau bagaimanapun, perkara ini tidaklah membolehkan rakyat mengambil tindakan di luar garis undang-undang yang akan membawa

akibat yang buruk kepada mereka sendiri. Kita semua tentu mengetahui, negara kita adalah bernasib baik jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang lain. Kita tidak perlu menghadapi kelaparan kerana tanah negara kita subur dan barang-barang makanan keluaran kita terutama beras adalah cukup. Perkara yang penting sekarang ini mustahaklah kita melipatgandakan usaha-usaha kita mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan dengan lebih banyak lagi supaya tiap-tiap orang dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Seruan ini telah lama dan kerap kali saya dan Kerajaan telah buat semenjak mulanya kita menghadapi masalah inflasi.

Bagi melaksanakan dasar dan hasrat Kerajaan ini, Kerajaan bercadang supaya gerakan mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan sehari-hari ini dijalankan dengan cara besar-besaran. Untuk tujuan ini, Kerajaan sedang menyediakan satu "Master Plan" atau pelan induk sama seperti Rancangan Pembangunan Luar Bandar menurut sistem Buku Merah dulu. Sekarang kita akan mengadakan satu buku lagi iaitu Buku Hijau di mana Kerajaan-kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai di peringkat daerah akan dikehendaki menyediakan rancangan-rancangan yang tertentu untuk dilaksanakan dari masa ke semasa.

Begitu juga di peringkat kampung-kampung, Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan dikehendaki menerangkan dengan mengadakan peta-peta menunjukkan bagaimana tanah masing-masing telah diusahakan iaitu samada tanah-tanah yang diberikan oleh Kerajaan telah diusahakan dengan sepenuhnya atau tidak. Begitu jugalah semua pihak diminta menerangkan rancangan-rancangan kecil di kawasan luar bandar samada telah dijalankan menurut kehendak-kehendak rakyat sebenarnya ataupun tidak. Dengan cara semacam itu, kita boleh memastikan yang rancangan-rancangan tersebut itu dijalankan dengan sempurna dan memastikan yang tenaga Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga rakyat jelata akan dapat ditumpukan kepada usaha-usaha yang sebenarnya boleh memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Saya juga telah memberi arahan iaitu rancangan bagi mengadakan bandar-bandar baru dan pusat-pusat pertumbuhan di luar bandar mestilah dipercepatkan lagi supaya rakyat di luar bandar dapat mempunyai kehidupan yang sempurna dengan mendapat kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di bandar-bandar.

Perbadanan-perbadanan Kerajaan terutama sekali Perbadanan Kemajuan Negeri mestilah mengutamakan usaha-usaha di kawasan luar bandar dan di bandar-bandar kecil. Di bandar-bandar besar, rancangan-rancangan sedang berjalan dengan pesat tetapi di bandar-bandar kecil dan di kawasan luar bandar, usaha-usaha perlulah dilipatgandakan kerana rakyat jelata di kampung-kampung suka hendak melihat sendiri kehasilan daripada dasar-dasar Kerajaan. Hanyalah dengan mereka itu faham dan mengetahui akan rancangan-rancangan yang dijanjikan oleh Kerajaan itu ada berjalan dan mereka sendiri nampak di hadapan mata mereka, barulah mereka tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini yang bertujuan semata-mata hendak menentang Kerajaan dan memburukkan nama Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya ingin menegaskan iaitu Kerajaan kita yang telah menerima mandat yang besar daripada rakyat tidak boleh dipaksa-paksa oleh mana-mana pihak. Kita tidak akan membiarkan sesiapa saja menggunakan tindak tanduk yang di luar garis undang-undang, baik golongan pelajar ataupun golongan-golongan lain. Kita mempunyai pentadbiran yang teratur daripada Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung membawa kepada peringkat Daerah, Negeri dan Pusat. Begitu juga Parti kita UMNO ada mempunyai Cawangan-cawangan di setiap kampung membawa kepada Bahagian-bahagian dan seterusnya kepada Negeri.

Oleh itu sepatutnya orang-orang kita di kampung-kampung menggunakan jentera yang ada—jentera Kerajaan dan jentera Parti—untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dari semasa ke semasa. Dalam hal kesulitan rakyat berhubung dengan apa perkara sekalipun, sepatutnya pemimpin-pemimpin di peringkat kampung, Cawangan-cawangan dan peringkat Bahagian hendaklah mengambil langkah menghuraikan perkara-perkara ini kepada rakyat dan menahan mereka daripada mengambil tindakan di luar garis undang-undang.

Kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti demonstrasi-demonstrasi yang berlaku sedikit sebanyak itu tak dapat tiada membayangkan kelemahan pimpinan Parti kita di peringkat bawah—di peringkat Bahagian dan Cawangan. Oleh itu mustahaklah wakil-wakil rakyat bersama-sama dengan ketua-ketua Parti di peringkat bawah memberi bimbingan dan pimpinan yang dikehendaki itu. Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan.

Kelaparan tidak patut berlaku di negara kita, apatah lagi di Negeri Kedah yang kita semua kenal sebagai negeri jelapang padi Malaysia. Saya fikir kalau kita renung perkara ini, pasti kita bersetuju iaitu kejadian ini tidak munasabah berlaku di negara kita. Oleh itu mustahaklah pemimpin-pemimpin Parti kita di peringkat bawah, di kampung-kampung serta Wakil-wakil rakyat sentiasa mendampingi diri dengan rakyat supaya tahu akan masalah-masalah mereka dan memberi bimbingan mencari huraian kepada masalah-masalah itu. Kepercayaan inilah yang saya letakkan di atas bahu saudara-saudara dan saya harap saudara-saudara tidak akan mengabaikan kepercayaan saya itu. Kalau ahli-ahli dan penyokong-penyokong kita di peringkat Cawangan-cawangan kuat dan patuh kepada Parti dan Kerajaan, saya percaya rakyat akan patuh kepada pimpinan Kerajaan kita dan kepercayaan mereka terhadap dan Kerajaan dapat dikekalkan.

Saudara-saudara sekalian.

Kalau kita pemimpin-pemimpin Parti dan wakil-wakil rakyat gagal menunaikan tanggungjawab kita dan gagal memberi pimpinan dan ketuaan kepada rakyat, ini bermakna kita melepaskan rakyat ramai supaya dieksploitasikan oleh anasir-anasir subversif, anti-nasional dan golongan yang menentang Kerajaan. Saya sekali-kali tidak ingin perkara-perkara yang tersebut berulang lagi dan kita hendaklah sentiasa mengawasi dari awal-awal supaya tidak akan berlaku. Dengan sebab itulah saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepada saudara-saudara pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong Parti kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna dan penuh dedikasi.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti saya katakan pada awal tadi, Kerajaan akan bertindak tegas terhadap anasir-anasir dan golongan-golongan yang cuba hendak meracun fikiran rakyat dan menghasut rakyat dengan sentimen anti-Kerajaan dan cuba dengan cara kekerasan hendak menumbangkan Kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat sesuai dengan proses Demokrasi yang kita junjung tinggi itu. Golongan ini, baik orang-orang politik ataupun pihak-pihak yang lain, sayugialah menghormati undang-undang negara dan aturan dan peraturan negara. Kalau tidak mereka akan menerima padah perbuatan mereka itu menurut undang-undang negara kita.

Hari ini kepercayaan rakyat di tangan kita dan mandat suci rakyat ini mestilah kita pertahankan. Mana-mana pihak yang cuba hendak mengubah perjalanan Kerajaan ataupun menjatuhkan Kerajaan menurut Perlembagaan dengan cara Demokrasi kenalah menunggu Pilihanraya yang akan datang manakala rakyat akan menentukan kepada siapa mereka hendak berikan mandat yang baru.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam Dewan Rakyat oleh Y.A.B. Datuk Hussein Onn,² kita bahkan seluruh dunia akan menghadapi masa genting dalam beberapa bulan yang akan datang. Kerajaan dan rakyat hendaklah bersedia menghadapi cabaran dan ujian besar ini. Kita sudahpun menentukan garis-garis langkah yang akan diambil, terutama dalam pengeluaran bahan-bahan makanan yang melibatkan pembukaan tanah secara besar-besaran. Di samping itu, langkah-langkah telah diambil bagi menstabilkan pengeluaran getah supaya mendapatkan harga yang wajar bagi pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh rakyat di kampung-kampung. Begitu juga kita sedang mengambil langkah-langkah untuk mengeluarkan barang-barang keperluan dengan lebih banyak supaya dengan itu harga barang-barang keperluan akan turun dan ini akan dapat meringankan bebanan rakyat.

Segala kegiatan-kegiatan Kerajaan ini dan juga kegiatan-kegiatan yang lain akan diterangkan oleh Menteri-menteri yang berkenaan termasuklah kedudukan keselamatan dalam negeri, soal pelajaran dan pembangunan.

Saudara-saudara sekalian.

Akhir sekali, saya mengucapkan terimakasih atas perhatian yang saudara-saudara berikan terhadap tugas serta kewajipan kita sebagai wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin Parti dalam menunaikan tanggungjawab kita kepada bangsa dan negara. Saya akhiri dengan doa dan harapan mudah-mudahan Allah s.w.t. akan memberkati segala usaha kita serta memberikan perlindungannya kepada kita setiap masa.

Sekianlah sahaja, disudahi dengan wassalamualiakum warahmatullahi wabarakatuh.

² Y.B. Menteri Kewangan.